

DATE : 28 AUG 2017
 PUBLICATION : BERITA HARIAN
 SECTION : BISNES
 HEADLINE : FBMKLCI TUNGGU PETUNJUK POSITIF
 CATEGORY : MENTION
 MEASUREMENT : 250.4CM²
 TONE : NEUTRAL
 REMARKS : NIL

FBMKLCI tunggu petunjuk positif

Saham & Anda



Zainal Ariffin Osman
 Pemegang lesen Wakil Peniaga dan Pasaran Hadapan berdaftar di Inter-Pacific Securities Sdn Bhd

Pada minggu lalu, penanda aras pasaran, indeks FBMKLCI dibuka pada paras 1,774.72 dan ditutup 7.05 mata lebih rendah pada 1,769.17. Indeks mencecah 1,764.07, paras terendah. Bagaimanapun, paras penutup masih dalam julat 1,765-1,775. Ini mencerminkan FBMKLCI bergerak dalam julat yang kecil sambil menunggu perkembangan positif dari luar dan dalam negara. Tanpa petunjuk yang positif, FBMKLCI dijangka akan berlegar di antara 1,760-1,780 pada minggu ini.

Penjualan cip global bagi 2017 dijangka mencecah AS\$397 bilion, mengatasi rekod penjualan AS\$339 bilion, tahun lalu.

Statistik Perdagangan Semikonduktor Dunia (WSTS) menyepak semula ramalan untuk jualan semikonduktor 2017, dengan mengatakan ia kini menjangka pertumbuhan sebanyak 17 peratus berbanding 2016. WSTS pada mulanya meramalkan bahawa jualan cip akan meningkat sebanyak 11.5 peratus tahun ini.

IHP kembali sederhana

Pertumbuhan penanda aras inflasi, indeks harga pengguna (IHP) Malaysia kembali sederhana kepada 3.2 peratus pada bulan Julai berbanding 3.6 peratus bagi Jun lalu.


Bagaimanapun, indeks kumpulan pengangkutan menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 7.7 peratus pada Julai, berbanding kenaikan 10.5 peratus pada Jun 2017, yang dipengaruhi kenaikan harga minyak. Harga purata seliter petrol RON95 adalah RM1.96 pada Julai 2017 berbanding RM1.75 pada Julai 2016, manakala harga purata RON97 meningkat kepada RM2.21 pada Julai 2017 berbanding RM2.10 pada Julai 2016.

Kumpulan utama yang mencatatkan kenaikan adalah indeks makanan & minuman bukan alkohol (+ 4.2%), kesihatan (+ 2.9%), perkhidmatan rekreasi & budaya (+ 2.6%), restoran dan hotel (+ 2.6%) dan perabot, peralatan rumah tangga & penyelerenggaraan rumah rutin (+ 2.6%).

Untuk prestasi FBMKLCI sepanjang minggu lalu, pada Isnin, indeks turun 4.60 mata kepada 1,771.62 (-0.26%). Kebanyakan pasaran saham Asia suram pada Isnin kerana pelabur tetap tidak yakin mengenai keupayaan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump untuk memenuhi agenda ekonominya.

Untuk prestasi bursa tempatan, jumlah dagangan meningkat kepada 1.681 bilion saham bernilai

PERGERAKAN FBMKLCI



RM1.776 bilion daripada 1.454 bilion saham bernilai RM1.576 bilion.

Jumlah dagangan meningkat 1.681 bilion saham

Kaunter dalam segmen pengeluaran perindustrian dan pengguna adalah antara sektor yang menikmati kenaikan pada hari berkenaan.

Kaunter untung termasuk Heng Yuen + RM0.27 (+ 3.25%), PPB + RM0.26 (+ 1.59%), DKSH + RM0.14 (+ 2.9%), Genting Plantation + RM0.14 (+ 1.34%), Serba Dinamik + RM0.06 (+ 2.78%), Coccoland + RM0.05 (+ 1.72%), GHL + RM0.05 (+ 3.05%), Uchitech + RM0.04 (+ 1.97%). Kaunter rugi termasuklah KESM -RM0.42 (-2.79%), SAM -RM0.26 (-3.47%), Westport -RM0.13 (-3.47%), Petron Malaysia -RM0.11 (-1.17%), Genting Malaysia -RM0.11 (-1.79%), Kawan Food -RM0.10 (-2.13%), Top Glove -RM0.09 (-1.58%), RHB Bank -RM0.07 (-1.41%), dan Power Boat -RM0.06 (-2.84%).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran keluar bersih adalah RM107.7 juta. Ringgit menambah sedikit berbanding dolar AS pada RM4.286.

Pada Selasa, FBMKLCI meningkat sebanyak 2.6 mata untuk ditutup pada 1,774.22. Kebanyakan indeks Asia menutup sesi Selasa dengan keuntungan sederhana apabila pelabur mengalihkan perhatian mereka kepada simposium tahunan Rizab Persekutuan AS di Jackson Hole pada akhir minggu.

Jumlah dagangan adalah 1.772 bilion saham yang bernilai RM1.886 bilion, berbanding 1.681 bilion bernilai RM1.776 bilion pada hari sebelumnya.

Sektor ditutup bercampur-campur dengan sektor perdagangan mendahului keuntungan.

Kaunter untung termasuk POS + RM0.20 (+ 3.77%), GESHAN + RM0.17 (+ 7.52%), CRESBHD +

RM0.13 (+ 12.26%), ADVCON + RM0.10 (+ 10.09%), KAREX + RM0.06 (+ 4.2%) dan TUNEPRO + RM0.10 (+ 10.0%). Kaunter rugi termasuk MENANG -RM0.035 (-3.83%), REUTONE -RM0.337 (-1.42%), dan GASMSIA -RM0.09 (-2.98%).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran keluar bersih adalah pada RM98.4 juta. Ringgit menambah nilai berbanding dolar AS kepada RM4.2817.

FBMKLCI turun 1.28 mata, ditutup pada 1,772.94. Indeks Asia di tutup bercampur-campur pada Rabu berikutan kenaikan di Wall Street semalaman. Dolar AS jatuh sedikit berikutan komen Trump.

Jumlah dagangan tempatan adalah 2.004 bilion saham bernilai RM1.967 bilion berbanding jumlah dagangan hari sebelumnya sebanyak 1.772 bilion bernilai RM1.886 bilion.

Sektor ditutup bercampur-campur dengan sektor perdagangan mencatat keuntungan. Kaunter untung termasuk RHB Bank + RM0.19 (+ 3.89%), Timecom + RM0.21 (2.24%), Anjoo + RM0.21 (+ 6.58%), Petgas + RM0.20 (+ 1.06%), Vitrox + RM0.17 (+ 3.89%), JHM + RM0.14 (+ 4.37%) dan Dulaand + RM0.12 (23.76%). Kaunter rugi termasuk Hengyuan -RM0.29 (-3.41%), AMMB -RM0.11 (-2.34%), GENM -RM0.12 (-1.96%), Allianz -RM0.18 (-1.23%) dan Padini -RM0.07 (-1.64%).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran keluar bersih RM65.3 juta. Ringgit menambah nilai berbanding dolar AS kepada RM4.279.

FBMKLCI ditutup 2.56 mata lebih tinggi pada Khamis

Pada Khamis FBMKLCI ditutup lebih tinggi sebanyak 2.56 mata pada 1,775.50 mata. Pasaran saham Asia ditutup bercampur-campur pada Khamis memandangkan kebimbangan mengenai ketidakpastian politik AS muncul

semula ketika pelabur menunggu ucapan gabenor pusat dunia yang berkumpul di Jackson Hole, Wyoming.

Jumlah dagangan pasaran bursa tempatan meningkat kepada 2.13 bilion saham bernilai RM1.979 bilion berbanding 2.004 bilion saham bernilai RM1.967 bilion.

Hampir semua sektor meningkat kecuali sektor perindustrian dan sektor kewangan.

Kaunter untung termasuk Panasonic Malaysia + RM1.00 (+ 2.68%), MPI + RM0.26 (+ 1.87%), Oriental + RM0.20 (+ 3.03%), Globetronics + RM0.19 (+ 3.08%), IOI Corp + RM0.14 (+ 3.15%), Magni-Tech + RM0.13 (+ 1.74%), KLOCP + RM0.12 (+ 1.55%), UJM + RM0.10 (+ 2.98%), GHL + RM0.09 (+ 5.33%), Magnum + RM0.09 (+ 5.26%). Kaunter rugi termasuk United Plantation -RM0.10 (-1.07%), AmBank -RM0.07 (-1.53%), HLFJ -RM0.16 (-0.95%), BMB -RM0.06 (-1.36%) dan MPCB -RM0.06 (-1.65%).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran keluar bersih adalah RM85.1 juta. Ringgit sedikit menurun berbanding dolar AS pada RM4.281.

KLCI jatuh sebanyak 6.33 mata kepada 1,769.17 mata Jumaat. Pasaran saham Asia kebanyakannya ditutup lebih tinggi, manakala pasaran Eropah memulakan dagangan bercampur-campur berikutan pelabur menunggu komen pada mesyuarat tahunan bank pusat.

Jumlah dagangan pasaran tempatan susut kepada 2.004 bilion saham bernilai RM1.934 bilion berbanding 2.13 bilion saham bernilai RM1.979 bilion. Majoriti indeks turun selepas hari dagangan terakhir minggu lalu.

Kaunter untung termasuk Panasonic Malaysia + RM0.50 (+ 1.31%), ULJCORP + RM0.40 (30.39%), KEJAYAAN + RM0.23 (+ 6.67%), PRESBHD + RM0.12 (6.86%) dan MIECO + RM0.075 (+ 8.38%). Kaunter rugi termasuk A.J -RM1.04 (-4.00%), PETRONM -RM0.11 (3.34%), LIM -RM0.11 (-3.18%), JTJasa -RM0.10 (-8.7%) dan GENM -RM0.29 (-3.80%).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran keluar bersih adalah RM24.8 juta.

Ringgit menyusut berbanding dolar AS kepada RM4.27.

Tulisan ini bukan memberi saranan untuk membeli atau menjual saham. Ia adalah berbentuk **komentar penulis** terhadap pasaran saham secara umum dan sebagai pendidikan kepada pelabur di Bursa Malaysia.